



Sakitnya untuk dapatkan PhD!

TULISAN Profesor Dr. Ismail Omar, 'Banteras Pemalsuan PhD' yang disiarkan di *Utusan Malaysia* bertarikh 4 November 2016 menarik perhatian penulis untuk turut mengulas perkara yang sama.

Dalam artikel tersebut Ismail memperincikan proses memperoleh status pemegang ijazah doktor falsafah yang memberi hak kepada pemiliknya digelar, Doktor sambil mengharapkan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Majlis Profesor Negara (MPN) menangani isu penggunaan gelaran Doktor palsu.

Realitinya, sesiapa juga yang melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD seperti yang digambarkan oleh beliau sememangnya berhadapan dengan proses yang rumit, mencabar dan menyakitkan.

Sakitnya bukan sahaja berlaku di minda dan melibatkan emosi malahan kesakitan juga boleh berlaku secara fizikal dan mengganggu hubungan harmoni sesama insan. Justeru, frasa PhD sangat popular dalam kalangan mereka yang telah dan sedang mengambil PhD.

Frasa ini dikenali dengan *Permanent Head Damage* atau kerosakan otak yang kekal. Kadang-kadang dijadikan juga bahan ketawa maksud PhD tersebut namun sebenarnya wujud kes-kes sebenar.

Oleh kerana sakitnya untuk mendapatkan PhD maka jumlah pemegang ijazah doktor falsafah itu tidak banyak. Di Malaysia, jumlah pemegang PhD lebih kurang 23,000 berbanding 31 juta penduduk Malaysia. Kerajaan sendiri menyasarkan 60,000 orang pemegang PhD pada tahun 2023. Ini menunjukkan untuk memperoleh PhD bukanlah satu kerja yang mudah.

Antara bukti sukarnya untuk mendapatkan PhD adalah dari segi statistik. Secara mudahnya kita boleh katakan sekiranya terdapat 100 orang pelajar yang berdaftar untuk program PhD di sesebuah universiti pada tahun ini dengan andaian tempoh pengajian adalah tiga tahun. Selepas cukup tiga tahun iaitu pada tahun 2019 nanti, lazimnya tidak sampai 50 peratus pelajar PhD berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh tersebut.

Pelbagai liku sebenarnya dihadapi oleh mereka yang mengambil PhD. Setiap individu akan menempuh pengalaman yang berlainan. Walaupun pengalaman tersebut sebenarnya memamatkan mereka namun penulis ingin maklumkan pengalaman tersebut ada juga yang menyakitkan."

30 peratus hingga 40 peratus akan menamatkan pengajian antara tiga tahun setengah ke lima tahun manakala 10 peratus hingga 20 peratus tidak dapat menamatkan pengajian. Jangan tidak percaya, wujud juga mereka yang menyelesaikannya sehingga sembilan dan 10 tahun.

Pelbagai liku sebenarnya dihadapi oleh mereka yang mengambil PhD. Setiap individu akan menempuh pengalaman yang berlainan.

Ada dalam kalangan pelajar PhD yang melalui pengalaman yang cukup memeritkan seperti berlakunya proses penceraian suami isteri dan ada juga terlibat dengan kemalangan jalan raya akibat terlalu memikirkan tentang pengajian. Itu belum lagi perkara-perkara lain antaranya terpaksa memilih penyelia baharu kerana penyelia lama telah meninggal dunia.

Sebagai dekan, beberapa kejadian yang seolah-olah tidak masuk akal juga pernah ditemui. Misalnya dua orang bersahabat baik, apabila seorang menjadi penyelia dan seorang lagi diselia boleh berkonflik sehingga tidak mahu bersua muka.

Wujudnya gangguan misteri apabila setiap kali pelajar mahu melakukan penulisan secara tiba-tiba hilang punca tidak tahu apa yang hendak ditulis dan data-data yang telah disimpan boleh hilang begitu sahaja.

Begitu juga dengan fail dalam komputer diserang virus dan juga pernah wujud kes komputer tenggelam dalam banjir. Ada juga komputer dicuri bersama dengan semua data dan bahan penulisan untuk program PhD. Kes yang melibatkan bahan penulisan hilang bukan sahaja mengalirkan air mata tetapi memberi impak kehilangan kestabilan emosi dan kewarasan pemikiran.

Peranan sebagai pemeriksa dalam dan luar dalam sesi viva (pemeriksaan lisan) juga memberi seribu satu kisah yang cukup terkesan. Kerap terjadi calon yang dinilai menangi apabila keputusan menyatakan lulus dengan pembetulan setahun dan perlu diperiksa semula. Terdapat juga calon hilang selera makan sama ada sebelum atau selepas sesi pemeriksaan lisan dijalankan. Setelah melalui segala kesakitan, pemegang PhD akhirnya bergembira apabila secara sah layak digelar Doktor. Justeru apabila wujud kes-kes mereka yang menggunakan gelaran tersebut tanpa merasa keperitan yang pernah dilalui oleh pelajar-pelajar PhD atau memperoleh secara dalam talian dengan membayar sejumlah wang tertentu, tiada perkataan yang boleh diungkapkan untuk menggambarkan betapa sakit dan tergurusnya hati pemegang PhD sebenar.

Bagi pelajar PhD yang mengikuti pengajian di luar negara, mereka lebih banyak berkorban terutama emosi dan perasaan. Bukan setakat tidak dapat menghadiri majlis perkahwinan saudara mara dan sahabat handai tetapi kerap juga terjadi mereka tidak dapat bertemu dengan ibu dan bapa di saat kedua-duanya pulang ke rahmatullah.

Bukanlah niat untuk menakutkan mereka yang ingin belajar di peringkat PhD cuma penulis ingin menyatakan begitulah nilai pengorbanan pelajar-pelajar PhD sebelum dianugerahkan dengan gelaran Doktor. Apa pun tidak dinafikan kejayaan memperoleh PhD adalah sesuatu yang menyeronokkan dan merupakan kenangan yang begitu indah.

Dalam pada itu penulis amat berharap pihak berkuasa segera menyediakan satu bentuk peraturan atau sebaiknya undang-undang untuk mencegah dan menangani pemalsuan gelaran PhD bagi mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni, aman, damai dan mesra.